

Bini kontraktor lebur RM71,100 angkara pelaburan palsu

KOSMO! MS: 2 4/6/2022

KANGAR – Gara-gara terperdaya dengan janji manis kononnya mampu memperoleh keuntungan lumayan sehingga 13 kali ganda hanya dalam masa empat hari, seorang suri rumah mengalami kerugian wang pelaburan sebanyak RM71,100, bulan lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Perlis, Superintendan Wan Aeidil Wan Abdullah berkata, kejadian berlaku apabila mangsa berusia 54 tahun terlihat satu iklan pelaburan di Facebook.

Menurutnya, dia telah menekan *link* yang kemudian membawanya ke satu akaun di laman Telegram.

“Mangsa kemudian tertarik

dengan pelan pelaburan yang ditawarkan kerana dijanjikan keuntungan lumayan sehingga 13 kali ganda dalam masa dua hingga empat hari.

“Wanita itu seterusnya membuat pindahan wang berjumlah RM8,600 ke akaun diberikan suspek pada 24 Mei lalu,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Kata beliau, selepas itu suspek memaklumkan bahawa mangsa telah memperoleh keuntungan besar dan menawarkan mangsa untuk membuat pelaburan lagi.

“Mangsa percaya dengan kata-kata suspek dan memindahkan lagi wang tambahan pelaburan sehingga jumlah keseluruhan wang terlibat adalah RM71,100

dalam tempoh seminggu iaitu dari 24 Mei hingga 30 Mei lepas,” ujarnya.

Katanya, mangsa menyedari ditipu apabila suspek memberi pelbagai alasan ketika dia mahu menuntut modal dan pulangan pelaburan miliknya.

“Mangsa yang juga isteri kepada pemilik syarikat kontraktor kemudian membuat laporan polis di Kangar pada 2 Jun lalu dan siasatan dijalankan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksan kerana menipu,” ujarnya.

Menurutnya, polis akan mengumpul maklumat pemilik akaun bank yang digunakan suspek untuk transaksi pelaburan bagi tujuan siasatan.



ORANG ramai perlu berwaspada dengan pelaburan tidak wujud yang sering ditawarkan melalui Telegram. – GAMBAR HIASAN